

22 JUL 1996  
Mahathir-Calon  
SAYA TAK ADA PROKSI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak meletakkan sebarang calon proksi bagi pemilihan parti itu Oktober ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata beliau tidak akan campur tangan dalam pemilihan itu kerana mana-mana calon yang sudah mendaftarkan diri untuk bertanding hendaklah berbuat demikian atas nama dan keupayaan sendiri.

"Tak ada proksi. Semua yang jadi calon saya sokong," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hotel Nikko Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Semalam, Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat, mengingatkan calon-calon supaya jangan menjaja nama Presiden dan Timbalan Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk mendapatkan undi.

Mohamed berkata, Dr Mahathir dan Anwar mengambil pendirian berkecuali dalam pemilihan itu.

Dr Mahathir berkata, sukar bagi beliau untuk menghalang mana-mana calon daripada menggunakan namanya.

"Kalau larang, dia tak ikut juga. Jadi saya ingat semua orang boleh gunalah (nama saya) kerana saya sokong semua," katanya berseloroh.

Dr Mahathir juga berkata, beliau belum lagi berkesempatan untuk mengadakan pertemuan dengan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah kerana baru sahaja kembali daripada lawatan kerja ke luar negara.

Awal bulan ini, Perdana Menteri berkata beliau bersedia memenuhi permintaan Tengku Razaleigh untuk bertemu dan membincangkan beberapa perkara berhubung kemasukan anggota parti itu dalam Umno apabila kembali daripada lawatan ke Republik Kyrgyz dan Kazakhstan. Beliau kembali ke tanahair Sabtu lepas. -- BERNAMA

AH NMO